

19 SEP 2002

Sukan-Silat

LEBIH 30 NEGARA BAKAL SERTAI KEJUARAAN SILAT SEDUNIA DI P.PINANG

KEPALA BATAS, 19 Sept (Bernama) -- Lebih 30 buah negara dijangka menyertai Kejuaraan Pencak Silat Sedunia Ke-12 di negeri ini dari 14 hingga 21 Dis ini, kata Pengerusi Jawatankuasa kejuaraan itu Datuk Azhar Ibrahim hari ini.

Beliau berkata kejuaraan itu yang bakal menjadi pertandingan silat terbesar pernah diadakan akan disertai kira-kira 600 peserta bagi merebut 22 buah pingat emas.

Azhar yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perikanan dan Pembangunan Luar Bandar Pulau Pinang berkata Arab Saudi, Korea Selatan dan Amerika Syarikat adalah antara negara baru yang bakal menyertai pertandingan itu manakala kira-kira 10 buah negara Eropah antaranya Belanda dan Belgium juga dijangka menghantar wakil.

Beliau berkata persiapan juga telah dibuat di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (Pisa) yang akan menjadi venue kejuaraan itu.

Katanya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah penaung kejuaraan itu.

Azhar berkata pihaknya juga berharap penganjuran kejuaraan itu akan dapat membantu mempromosikan Pulau Pinang sebagai satu daripada destinasi pelancongan dunia.

"Ini memandangkan banyak negara peserta juga dijangka membawa bersama-sama mereka para penyokong masing-masing," katanya dan menurutnya pihak penganjur juga ada menyediakan acara lawatan ke beberapa kawasan menarik di sekitar negeri ini dan kawasan berdekatan.

"Kami berazam untuk menjadikan acara ini yang terbaik kerana sukar untuk mendapatkan hak untuk menjadi tuan rumah di masa lain kelak," katanya.

Sempena kejuaraan itu, beliau berkata pihaknya akan mengadakan pertunjukan kebudayaan Pulau Pinang yang termasuk kesenian persilatan Melayu.

-- BERNAMA

AHM RHM